

Hilang kemanusiaan jika tiada belas kasihan

Hubungan kekeluargaan, sesama jiran patut dijaga sejajar dengan tuntutan Islam

Kita sering teruja apabila dinobatkan sebagai golongan yang terkenal dengan budaya hidup serta budi pekerti lemah lembut dan bersopan santun. Keadaan itu mematuhi ajaran Islam yang menganjurkan umatnya menghiasi diri dengan sifat terpuji.

Kekasaran bahasa dan tingkah laku tentunya ditolak oleh agama Islam yang menganjurkan sifat mahmudah dalam setiap perilaku umatnya. Namun, masih banyak kes penderaan mental mahupun fizikal yang diwarisi daripada adat jahiliah diamalkan sehingga kini.

Isteri dijadikan hamba, anak-anak dibenihkan, tetapi dibiar terhina, ada orang gaji didera dan dicerca, ibu bapa pula dibiar merempat di mana-mana.

Tandus sifat kemanusiaan

Rentetan ini sudah cukup membimbangkan dan menggambarkan segelintir masyarakat Malaysia semakin ketandusan sifat kemanusiaan dalam sudut hati mereka disebabkan tiada belas kasihan sesama insan.

Bagi umat Islam, perbuatan penderaan dan penganiayaan dilarang keras kerana Islam adalah agama yang bersifat rahmat iaitu belas kasihan.

Ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya: “Kami tidak mengutuskan



Makan bersama boleh rapatkan hubungan keluarga.

[GAMBAR HIASAN]

engkau (Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat kepada alam sejagat.” (Surah Al-Anbia, ayat 107)

Menjadi orang yang membawa kebaikan kepada alam sejagat bukanlah mudah, sebab itulah Rasulullah SAW mengajar sahabat perbuatan baik untuk dilakukan kepada orang lain supaya Baginda tidak berseorangan dalam urusan itu.

Rasulullah SAW bersabda: “Kamu sekali-kali tidak akan dianggap beriman sehingga kamu bersifat rahmat. Ujar sahabat: Kami semua sememangnya bersifat rahmat. Lantas Baginda SAW menjawab: Bukan itu maksudku, rahmatmu kepada kawan kamu, sebaliknya maksudku ialah rahmatmu kepada umum (alam sejagat).” (Riwayat Tabarani)

Rahmat adalah perkara yang membawa kebaikan dan Islam satu-satunya

agama membawa misi keamanan, kedamaian, keharmonian, kemesraan dan rahmat kepada seluruh isi alam membabitkan semua makhluk termasuk binatang.

Hiasi diri dengan sifat belas kasihan

Oleh itu, bagi menjamin kedamaian dan rahmat terlaksana, Islam memerintahkan umatnya supaya menghiasikan diri dengan sifat belas kasihan yang turut menjadi bukti kepada kesempurnaan iman kepada Allah.

Belas kasihan bukan saja kepada sahabat terdekat, tetapi alam seluruhnya, lebih-lebih tetangga yang hampir dengan kita kerana rumahnya berdekatan atau hampir kerana hubungan nasab mahupun kerana agama.

Kita perlu berbuat baik terhadap mereka yang paling hampir dengan kita sehinggakan apabila ingin memberi

juadah kepada tetangga, Rasulullah SAW mengajar supaya diberi kepada jiran pintunya paling hampir dengan rumah kita, bukan yang paling rapat.

Sifat belas kasihan membuatkan kita mudah tersentuh melihat kesusahan menimpa orang lain dan begitu juga sebaliknya. Jika perasaan seumpama itu tidak wujud dalam diri, maka ia menurunkan taraf manusia lebih teruk daripada binatang.

Rasulullah SAW bersabda: “Allah menjadikan rahmat 100 bahagian, satu bahagian daripadanya sudah diturunkan ke bumi. Daripada bahagian satu inilah, sekalian makhluk dapat berbelas kasihan sesama sendiri antara satu sama lain hinggakan ada seekor binatang yang mengangkat kakinya kerana takut terpijak anaknya sendiri.” (Riwayat Bukhari)

Ibu bapa memikul tanggungjawab berat dalam pendidikan anak. Mereka perlu mempunyai sifat kasihan belas. Jika anak melakukan kesilapan, hendaklah tegur dan betulkan kesalahannya dengan lemah lembut serta kasih sayang, bukannya memukul dengan kekerasan.

Tahap pendidikan di awal usia, anak perlu dibelai, ditatung serta diasuh dengan penuh kasih sayang dan lemah lembut. Kekerasan hanya akan menyebabkan anak semakin liar dan nakal. Gejala sosial yang semakin membarah berpunca daripada kepupusan perasaan kasihan belas dan kemesraan dalam rumah tangga.

Justeru, apabila berlaku kesilapan atau kesalahan oleh anak, ibu bapa perlu menilai semula kemungkinan itu berpunca daripada kesilapan mereka yang gagal mewujudkan keharmonian rumah tangga seperti dituntut Islam.

Dalam konteks kekeluargaan pula, suami isteri perlu bertolak ansur dan berbelas kasihan antara satu sama lain menguruskan serta melancarkan perjalanan rumah tangga mereka. Ia selaras objektif perkahwinan untuk menyuburkan bibit kasih sayang dan kemesraan antara suami isteri.

Jika kita benar-benar menghayati agama, Insha Allah tiada kepincangan dalam hubungan kemasyarakatan bahkan Rasulullah SAW juga menunjukkan cara yang sebaik-baiknya untuk berakhlak dengan tetangga serta ahli masyarakat.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia